

NO. SOALAN: 264

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan kes-kes hak jagaan anak dimana satu daripada ibu bapanya memeluk agama Islam.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, **usaha rundingan semula sedang dijalankan** dengan negeri-negeri dalam usaha mencari penyelesaian terhadap kes-kes hak penjagaan anak

membabitkan pasangan di mana salah satu daripada ibu atau bapanya memeluk agama Islam. Dalam kes hak jagaan anak, pertimbangan utama yang perlu diambil perhatian adalah kebajikan kanak-kanak tersebut. Walaupun pihak ibu atau bapa yang terlibat juga turut mempunyai kepentingan dalam penjagaan kanak-kanak, kepentingan kanak-kanak lebih mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain sama ada ibu atau bapa atau penjaga.

Dalam hal ini, Kerajaan sedang meneliti semua sudut secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak demi menjaga kepentingan masyarakat Islam dan bukan Islam antaranya dengan membuat cadangan pindaan terhadap undang-undang yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN GOBIND SINGH DEO
DARIPADA [PUCHONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah untuk murid kurang upaya (termasuk kanak-kanak autistik dan terencat akal) di Selangor dan sama ada ianya cukup untuk menampung bilangan pelajar-pelajar di semua lokasinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meminda peraturan pendidikan (Pendidikan Khas). Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) baharu ini tidak menghadkan sekolah khas kepada murid kurang upaya penglihatan dan pendengaran. Sehingga kini terdapat 28 buah sekolah rendah pendidikan khas (SPK), dua (2) buah sekolah menengah (SMPK) dan tiga (3) buah sekolah menengah pendidikan khas vokasional (SMPKV) di seluruh Malaysia dan dua jenis sekolah khas di Selangor iaitu satu rendah dan satu menengah.

Selain daripada Sekolah Khas, KPM juga menyediakan peluang pendidikan bagi murid pendidikan khas (MBK) di sekolah harian biasa dengan mewujudkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Sehingga Jun 2014 terdapat 1387 buah sekolah rendah dan 725 buah sekolah menengah yang menawarkan PPKI. Di Selangor, terdapat 123 sekolah rendah dan 69 sekolah menengah yang melaksanakan PPKI.